

09 APR 1996

BANTUAN MALAYSIA DIPERLUKAN UTK MEMBANGUNKAN BOSNIA-HERZEGOVINA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Malaysia boleh memainkan peranan penting dalam membantu Bosnia-Herzegovina dalam proses pembangunan semulanya, kata menteri perdagangan luar dan hubungan antarabangsa Bosnia-Herzegovina, Neven Tomic.

Beliau berkata dengan pengalamannya, Malaysia boleh menerokai program penswastaaan di Bosnia-Herzegovina yang telah dirancangkan sebelum perang meletus.

Kebanyakan daripada projek itu membabitkan pembinaan prasarana seperti jalan dan kereta api, kata Nevin selepas merasmikan seminar sehari mengenai peluang-peluang perniagaan di Bosnia-Herzegovina, di sini hari ini.

Menurut beliau terdapat lebih 2,000 projek yang dirancang terpaksa ditinggalkan kerana peperangan dan pihak-pihak yang terbabit tidak boleh berhubungan antara satu dengan lain.

Tomic berkata projek-projek itu, daripada ladang pertanian kepada tenaga elektrik hidro, boleh dijalankan semula jika mendapat sokongan para pelabur.

Beliau berharap Malaysia boleh mendapatkan pelabur-pelabur yang sesuai untuk menyertai dalam projek-projek itu.

"Sistem perbankan juga perlu diberi perhatian dan lebih banyak cawangan perlu dibuka. Kami juga menghadapi masalah matawang," tambahnya.

Terdahulu, dalam ucapannya Tomic berkata menurut pakar-pakar dunia, dalam tempoh tiga tahun pertama, sekurang-kurangnya AS\$5.1 bilion (RM12.5 bilion) diperlukan untuk membangunkan semula negara Balkan itu.

"Dalam ruang lingkup itu, kami menerima banyak janji, tetapi wang yang dijanjikan untuk pembinaan mengalir masuk amat perlahan dan kami berharap agar persidangan kali kedua penderma-penderma, yang akan bermula sehari dua lagi di Brussels, akan mempercepatkan penunaian janji-janji itu," katanya.

Tomic berkata selain pembinaan semula prasarana, rakyat Bosnia-Herzegovina berharap untuk menyusun semula sistem ekonomi mereka kepada ekonomi pasaran, pengliberalan dan perlindungan harta persendirian.

Beliau juga berkata terdapat beberapa kontrak usaha sama yang membabitkan Malaysia dan negaranya tetapi rakyat Bosnia menghadapi masalah mendapatkan jaminan bank.

Menurut beliau lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan perniagaan Malaysia ke Sarajevo minggu depan akan menghasilkan penandatanganan beberapa perjanjian baru dan pengukuhan hubungan antara kedua-dua negara.

Sejumlah 145 perwakilan, termasuk 25 dari Bosnia-Herzegovina, menghadiri seminar dua hari itu. -- BERNAMA

DAB FR SIA